

Najib tak tahu pelaburan PSI ditukar

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini diberitahu pihak pengurusan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mendapat persetujuan Datuk Seri Najib Tun Razak membabitkan nota jaminan Murabahah usaha sama dengan PetroSaudi International (PSI).

Bekas Pengarah Bukan Eksekutif 1MDB, Tan Sri Ismee Ismail berkata, bekas Perdana Menteri itu tidak pernah memberi kelulusan kepada pengurusan 1MDB menukar pelaburan PSI di bawah Artikel 117 Perlembagaan syarikat untuk mendapatkan kelulusan beliau dalam isu pelaburan berkaitan dasar negara.

Mengikut Artikel 117 Memorandum dan Artikel Persatuan 1MDB, setiap keputusan penting syarikat perlu mendapat arahan dan kelulusan Perdana Menteri.



NAJIB TUN RAZAK

“Berdasarkan dokumen ditunjukkan, tiada,” jawab Ismee ketika ditanya sewaktu sesi soal balas peguam utama Najib, Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah sama ada anak guamnya

memainkan peranan dalam penukaran kepada nota Murabahah.

Sebelum ini, mahkamah dimaklumkan berhubung satu perjanjian bahawa 1MDB bersetuju menukar 40 peratus kepentingan-

nya dalam syarikat usaha sama 1MDB-PetroSaudi International Limited dibelinya pada harga AS\$1 bilion secara pinjaman Islam kepada syarikat sama.

Perjanjian itu menyaksikan 1MDB bersetuju menjual 40 peratus saham kepada syarikat usaha sama itu dengan memberikan pinjaman Islam melalui nota Murabahah kepada syarikat usaha sama tersebut pada nilai AS\$1.2 bilion.

Dengan penukaran kepada nota Murabahah, syarikat usaha sama itu di atas kertas akan berhutang AS\$1.2 bilion kepada 1MDB dan secara berkesan berjaya memberikan 1MDB keuntungan atas kertas AS\$200 juta selepas mengambil kira permu- laan AS\$1 bilion.

Dalam pada itu, Ismee bersetuju dengan cadangan peguam itu bahawa bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi tidak me-

maklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai keperluan untuk mendapatkan persetujuan Najib.

Beliau hanya mengetahui selepas banyak kali nota Murabahah itu ditukar kepada ekuiti dan mendakwa bertujuan tidak diketahui oleh Lembaga Pengarah dan juruaudit.

Katanya, perkara itu mesti dibangkitkan oleh Lembaga Pengarah jika mereka tahu mengenainya.

Saksi pendakwaan ke-13 itu memberikan keterangan terhadap Najib, 68, yang menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukan untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dalam dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah wang yang sama.

Perbincaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.